



Bahagian  
Hal Ehwal Pelajar




## MESYUARAT MAJLIS PENGURUSAN PELAJAR (MAPP) BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

# PROGRAM DAPUR HEP KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN UiTM SHAH ALAM

DISEDIAKAN OLEH :


MAJLIS PENGETUA-PENGETUA KEDIAMAN/NR  
UiTM SHAH ALAM



## 1.0 PENGENALAN

Dapur HEP 2.0 berkonsepkan **penyediaan tempat memasak** untuk pelajar yang menetap di **Kolej Kediaman**.

Ruang dapur yang lengkap dengan kelengkapan ini telah diwujudkan di setiap kolej kediaman bagi membantu para **pelajar menyediakan makanan** mereka setiap hari.



## 2.0 OBJEKTIF

- Menyediakan keperluan/kelengkapan memasak bagi projek Dapur HEP di setiap kolej kediaman.
- Menjimatkan wang pelajar daripada membeli makanan di luar, dengan menyediakan hidangan ringkas mengikut keperluan bahan mentah yang disediakan oleh pengurusan.
- Menyediakan makanan yang berkhasiat dan selamat kepada pelajar yang tinggal didalam kolej kediaman.
- Meringankan beban atau tekanan pelajar yang bermasalah dengan kewangan.
- Mengurangkan tekanan emosi pelajar supaya lebih fokus dalam pembelajaran.
- Menaikkan nama universiti sebagai salah satu universiti yang mengambil inisiatif dalam menjaga kebajikan pelajar.

## 3.0 KUMPULAN SASARAN

- Pelajar Kolej Kediaman di UiTM Shah Alam dari keluarga B40.
- Pelajar yang terputus bekalan kewangan semasa menetap didalam dan diluar kolej kediaman.
- Pelajar yang terputus bekalan makanan semasa berada dikolej kediaman.
- Populasi pelajar yang memerlukan bantuan ini akan dikenal pasti dari semasa ke semasa.

## 4.0 CARA PERLAKSANAAN DAPUR HEP

### TARIKH, MASA DAN TEMPAT

- Tarikh: Sepanjang tempoh semester berlangsung.
- Tempat: Dapur HEP, Disetiap Kolej Kediaman UiTM Shah Alam.
- Masa: 8:30 pagi- 5:00 petang (Pemantauan Staf Pengurusan Kolej).
- Masa: 5:00 petang-10:00 Malam (Pemantauan Staf Residen Kolej Bertugas dan JPK).
- Kawalan penggunaan dapur: Kaedah penggiliran dan menggunakan aplikasi QR code untuk mengetahui latarbelakang pengguna.
- Program ini merupakan inisiatif daripada pihak JPK disetiap kolej kediaman dengan Kerjasama Pengurusan dan Staf Residen Kolej. Stok makanan dan minuman (bahan kering) disediakan dan akan diletakkan di sudut yang memudahkan pelajar untuk mengambil mengikut keperluan.
- Segala kelengkapan akan disimpan dengan rapi di dalam bilik masakan Dapur HEP kolej kediaman. Bilik masakan tidak akan dikunci supaya penghuni kolej kediaman boleh mendapatkan akses kepada bilik tersebut pada bila-bila masa.
- Bilik masakan tersebut akan diselia oleh JPK kolej kediaman dan pemantauan penggunaan oleh staf pengurusan (waktu pejabat) dan Staf Residen Kolej (penggunaan selepas waktu pejabat) mengikut jadual bertugas.

## 5.0 JENIS AGIHAN MENU MAKANAN DAN BAHAN MAKANAN

- Bahan makanan kering asas seperti beras, telur, gula, garam dan lain-lain.
- Bahan makanan sejuk beku makanan asas seperti ayam, nugget, bebola.
- Bahan makanan segera seperti bancuhan minuman panas segera.
- Menu makanan *Retort* dengan 7 menu hidangan yang disediakan.

## 6.0 JENIS KELENGKAPAN DI DAPUR HEP

- Peralatan asas memasak seperti dapur elektrik (induction).
- Peralatan memanaskan makanan ketuhar gelombang haba.
- Cerek elektrik.
- Peralatan asas dan perkakas asas memasak.
- Kemudahan ruang dapur

## 7.0 CADANGAN DAN IMPLIKASI KEWANGAN

- Pengetua Kolej Kediaman memohon bajet daripada Tabung Amanah Kolej.
- Saluran bantuan daripada badan NGO.
- Saluran bantuan daripada agensi ZAKAT.
- Saluran bantuan daripada individu secara persendirian.



## 8.0 CARA PENGAGIHAN MAKANAN DAPUR HEP

- Memperolehi data sebenar jumlah pelajar B40 dari setiap kolej kediaman sebelum bantuan diagihkan.
- Pengagihan daripada pusat penyimpanan Food Bank berpusat yang terletak di Kolej Kediaman Delima kepada setiap Kolej Kediaman.
- Pembelian bahan mentah oleh Pengurusan Kolej Kediaman setelah mendapat kelulusan bajet daripada pengurusan BHEP.

## 9.0 DAPUR HEP- LAWATAN PENANDA ARAS

Pakuan University, Indonesia . . . . . 12 Jul 2024

Universiti Putra Malaysia . . . . . 9 Jul 2024

Universiti Kuala Lumpur . . . . . 25 Nov 2023

Universiti Teknikal Malaysia Melaka . . . . . 28 Okt 2023


Universiti Malaysia Kelantan . . . . . 20 Jun 2023

Universiti Malaysia Pahang . . . . . 16 Jun 2023

.....

# 10.0 LAMPIRAN 1







📍 PEJABAT PENGURUSAN KOLEJ DELIMA





# LAMPIRAN 2 - JAWATANKUASA PELAKSANA DAPUR HEP

JAWATAN	NAMA
Penaung	YBhg. Prof. Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi
Penasihat Program	En Wan Ahmad Rahiman Wan Abd Rahim
Pengarah Program	Ts. Dr. Noradzhar Baba
AJK Pelaksana	PM Dr. Nor Aizam Adnan PM Sr Dr. Ahmad Nazrin Aris Anuar PM Dr. Muhad Rozi Mat Nawi Dr. Firdaus Mohamad Tuan Haji Izuan Izzaidi Azmi Encik Hisyam Che Mat



# LAMPIRAN 3 – PERATURAN PENGGUNAAN DAPUR HEP



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

## DAPUR HEP KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERATURAN PENGGUNAAN



1. MASA PENGGOPERASIAN:  
8.30 AM - 10.00 PM

2. SETIAP SESI PENGGUNAAN  
UNTUK MEMASAK ADALAH  
TERHAD KEPADA 1000 SAHAJA.

3. PELAJAR DIPWajibkan UNTUK  
MEMBERSIHKAN KEMBALI  
PERALATAN YANG DIGUNAKAN  
DAN MEMBAWA PULANG BAHAN  
MASAKAN YANG DIBAWA.

4. PELAJAR PERLU LAH MENGGI  
BERANGI PENGGUNAAN DAPUR  
TERLEBIH DAHULU SEBELUM  
PENGGUNAAN.

5. PELAJAR MESTILAH  
MEMANGGALUKAN KASUT DI LUAR  
RUANG DAPUR DAN TINGKAP  
PERLU LAH DIBUKA  
SEMASA PELAJAR MEMASAK.

6. PELAJAR DIPWajibkan  
UNTUK MENYEMAKAN  
PANGKAS YANG BERSIH KETIKA  
BERADA DI DALAM DAPUR.

7. SEBIRANYA TERJADI HAL KECEMASAN ATAU PERLU KAN BANTUAN  
SEMASA WAKTU PELABAT, SILA HUBUNGI STAF PENGGURUAN KOLEJ,  
JIKA DI LUAR WAKTU PELABAT, SILA HUBUNGI STAF PRESIDEN KOLEJ (SRK)  
ATAU JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ (PRK) YANG BERTUGAS.

8. MAKSIMUM KAPASITI PELAJAR  
YANG DIBENARKAN BERADA DI  
DALAM DAPUR BAOI SETIAP  
SESI PENGGUNAAN ADALAH  
SERAMA 4 ORANG.

9. PELAJAR HENDAKLAH  
SENTIASA MEMADA,  
KEBERSIHAN DAN  
KESELAMATAN KENDRI KETIKA  
MEMOLUHKAN PERALATAN  
YANG TERDADA.

10. MENGOBAH KEDUDUKAN  
PERANGOT BERTA  
PERALATAN TERBEDA ADALAH  
DI LARANG BAWA BEXALL.

11. SEBARANG PENGGUNAAN  
TAMPA KEMERASAN ANGAN  
DIKENYATAK TIDAKKAN  
TATATERTIB.

12. BEKALAN MAKANAN ASAS  
DIBAWA KAN MENGGALUT  
KEPERLUAN.

13. JIKA TERDAPAT KEROBAKAN  
KEPADA PASILITI ATAU  
PERALATAN DAPUR DI ATAS  
FAKTOR KEROBAKAN SENDIRI,  
PELAJAR DIBENYARANG  
MEMBAKAR GANTI RUGI  
MENGGALUT HARGA TERTENTU.

**TERIMA KASIH**



اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Bahagian  
Hal Ehwal Pelajar

**Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Aras 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-55442244 | Faks: 03-55443535  
Emel: [bhep@uitm.edu.my](mailto:bhep@uitm.edu.my)**